



Ketersiratan Makna Kata Ganda dalam Dialek Melayu Sarawak

Wan Robiah Meor Osman, Rosnah Mustafa, Salina Pit
mowrobiah@cls.unimas.my, mrosnah@cls.unimas.my, psalina@cls.unimas.my
Pusat Pengajian Bahasa, Universiti Malaysia Sarawak

Abstrak

Keindahan dan ketinggian berbahasa sesuatu masyarakat merupakan salah satu alat pengukur ketamadunan sesuatu negara bangsa. Oleh hal demikian, maka setiap masyarakat di dunia mempunyai variasi keindahan dan ketinggian berbahasa tersendiri yang menjadi identiti masyarakatnya. Menerusnya juga, wujud pelbagai karya atau manuskrip tradisi yang dipusakai dan menjadi lambang kemegahan sesuatu masyarakat. Justeru, bahasa memainkan peranan penting dalam sistem komunikatif sesuatu masyarakat dalam memanifestasikan niat dan tujuan. Dalam masyarakat Melayu yang mengamalkan sistem komunikatif yang berbudi bahasa dilihat berjaya mengangkat jati diri dan identiti nasional yang dipusakai. Maka, dalam makalah ini kajian difokuskan kepada keunikan gaya berbahasa masyarakat Melayu khususnya di Sarawak dalam menjayakan sesuatu komunikasi. Masyarakat ini dilihat sering menggunakan pengulangan kata dalam interaksi sosial yang bertujuan untuk menyampaikan hasrat atau maksud yang diinginkan. Oleh itu, dalam makalah ini pengkaji memanfaatkan penggunaan kata ganda dalam dialek Melayu Sarawak dengan meneliti dari segi ketersiratan makna gandaan tersebut dalam perbualan komunikatif komuniti ini. Dengan adanya kajian ini dapat memperlihatkan dan menyerlahkan fungsi atau tujuan sesuatu penggunaan kata yang berulang dalam menyampaikan mesej interaksi tersebut.

Kata kunci: Ketersiratan Makna, Kata Ganda, Dialek Melayu Sarawak (DMS)

Abstract

The linguistic beauty and prowess of a language in a particular community is one of the yardsticks to measure civilisation of nationhood. The linguistic beauty and prowess of the language reflects the identity of its speakers. It is also through language that traditional manuscripts are inherited and became a symbol of a community's pride. Language plays an important role in communicating the speakers' intention and objectives. The practice of politeness in communication within the Malay society has elevated the speakers' self esteem and national identity. Sarawak Malay speakers frequently use reduplication in social interactions to express intended meanings. The present study focuses on the use of reduplication in the Sarawak Malay dialect. It specifically examines the underlying meaning of reduplication in conversations among its speakers. The findings aim to highlight the functions and purposes of reduplications in communication among speakers of Sarawak Malay Dialect.

Key words: Underlying meaning, reduplication, Sarawak Malay Dialect

1. Pengenalan

Kata ganda merupakan salah satu daripada sekian banyak jenis kata yang terdapat dalam bahasa Melayu. Bentuk kata ini dihasilkan menerusi proses pengulangan kata dasar yang melibatkan sebahagian atau keseluruhan kata dasar. Dalam memperkatakan tentang variasi kata ganda kebanyakan penahu mempunyai kepelbagaian tafsiran serta pembahagian bentuk yang berbeza-beza (Asmah, 1980; Arbak, 1989; Abdullah & Ainon, (1994), Nik Safiah Karim et al., 2009). Walaupun, penahu telah memecahkan kata ganda kepada beberapa bentuk mengikut pemahaman morfologi masing-masing namun elemen makna sukar dipisahkan apabila memperkatakan tentang kata ganda ini. Hal ini disebabkan makna merupakan salah satu faktor yang penting dalam memahami sesuatu bahasa atau kosa

kata. Makna tidak dapat dipisahkan daripada kajian dan pemahaman nahu (Asmah Hj. Omar, 2008). Oleh hal demikian, maka makalah ini berusaha meneliti ketersiratan makna dalam kata ganda yang digunakan oleh masyarakat Melayu Sarawak.

2. Kajian Lepas

Hamidah Abdul Wahab, Wan Robiah Meor Osman dan Mohammad Hossin (2012) memanfaatkan data kata ganda dalam dialek Melayu Sarawak. Kajian deskriptif ini memaparkan penjenisan kata ganda mengikut kategori iaitu kata ganda penuh atau seluruh kata, kata ganda semu, kata ganda berentak, kata ganda berimbuhan dan kata ganda separa. Menerusi kajian ini didapati pengkaji tidak menemui jenis kata ganda berimbuhan sisipan, akhiran dan apitan dalam dialek Melayu Sarawak. Dan daripada kajian ini juga didapati bahawa kata ganda berentak lebih dominan berbanding kata ganda yang lain.

Kajian Mohd Yunus Sharum dan Zaitul Azma Zainon Hamzah (2011) meneliti tentang golongan dan rumus kata gandaan berima. Menerusi kajian ini dapat diperincikan bahawa kata gandaan berima tergolong dalam ciri yang tersendiri. Dan kajian ini memanfaatkan model *Morpheme Doubling Theory* (MDT) dan hipotesis acuan makna dalam menjelaskan aspek pembentukan struktur dalam kata gandaan berima. Melalui penelitian ini didapati bahawa pembentukan struktur kata gandaan berima ini mempunyai corak-corak tertentu dari segi faktor leksikal dan bukan leksikal. Walaupun demikian, kajian ini memerlukan penelitian yang mendalam kerana terdapat segolongan 26 kata gandaan berima yang belum dikenal pasti rumus pembentukannya secara terperinci.

Syarifah Raihan Syed Jaafar dan Zaharani Ahmad (2009) mengkaji tentang penggandaan separa bahasa Melayu berdasarkan analisis Teori Optimaliti. Melalui kajian ini, disimpulkan bahawa kata ganda separa mestilah merupakan suatu kata yang mempunyai onsets. Hal ini jelas dengan adanya kekangan ONSET yang menduduki tatattingkat teratas dalam kekangan fonologi, iaitu hanya kata yang bermula dengan bunyi konsonan sahaja yang boleh digandaseparakan, manakala kata yang dimulai dengan vokal tidak pernah wujud sebagai bentuk gandaan kerana ketiadaan onsets.

Kajian Zaidi (2007, 2008) memanfaatkan data daripada Pangkalan Data Korpus Dewan Bahasa dan Pustaka dan Universiti Sains Malaysia yang bersumberkan majalah, buku dan akhbar. Kajian deskriptif ini memperlihatkan kepelbagaian bentuk kata ganda dalam bahasa Melayu. Kajian awal pengkaji mengetengahkan unsur kata ganda berentak yang merangkumi tiga jenis, iaitu penggandaan berentak pengulangan vokal, penggandaan berentak pengulangan konsonan dan penggandaan berentak bebas. Manakala kajian kedua pengkaji memaparkan secara mendalam tentang pengertian, kepelbagaian tafsiran kata ganda oleh penahu, serta paparan bentuk kata ganda iaitu kata ganda tulen dan kata ganda semu hasil daripada data korpus yang terpilih.

Zaharani Ahmad (2006) mengetengahkan isu morfologi bahasa Melayu, iaitu kata dasar yang tidak boleh digandaseparakan dengan menggunakan kerangka teori autosegmental model pemindahan melodi. Menurut pengkaji, dengan menggunakan teori autosegmental, model pemindahan melodi dapat menjelaskan tentang bentuk gramatis itu dihasilkan serta dapat menjelaskan sebab kata dasar yang bermula dengan vokal dan kata dasar bersuku kata tunggal tidak dapat menjalani proses penggandaan separa.

Nor Hashimah Jalaluddin. (2005) memperkatakan tentang gandingan kata bilangan dan penggandaan bahasa Melayu dari sisi semantik dengan pendekatan rangka rujuk silang dan pemilihan rujukan terhadap data korpus yang terpilih. Menerusi kajian, didapati bahawa kata bilangan penggandaan bahasa Melayu memperlihatkan ketidakkekhususan makna, iaitu mana-mana kata bilangan tak tentu yang khusus mengambil kata nama tunggal manakala kata bilangan tak tentu yang tidak khusus mengambil kata nama jamak. Selain itu, kajian ini juga berusaha menyelesaikan permasalahan kata ganti ia dan ianya berlandaskan data korpus linguistik dengan kaedah rujuk silang dan pemilihan rujukan yang berteraskan teori Relevans (1995).

3. Metodologi

Kajian ini memanfaatkan kajian lapangan dengan menemu bual informan yang berusia antara 30 hingga 80 tahun yang merupakan penutur natif dialek Melayu Sarawak. Kebanyakan informan menetap di sekitar Kuching dan berasal daripada daerah berdekatan sebagai contoh dari daerah Sebuyau. Daripada data yang diperolehi diperhalusi makna kata ganda tersebut dengan temu bual yang telah dijalankan. Melalui penelitian ini, pengkaji telah

memperoleh pecahan daripada rangkuman kata ganda yang diberikan. Kata ganda ini dapat dikategorikan mengikut makna penggunaan secara verbal oleh informan, iaitu dibahagikan empat pecahan konteks mengikut iaitu:

- (a) Penekanan Keadaan
- (b) Situasi Melampau/Berlebih-lebihan
- (c) Pengurangan Darjah Penekanan Keadaan
- (d) Jamak

4. Analisis dan Perbincangan

Kebanyakan penahu hanya membincangkan kata ganda dengan tumpuan khusus pada aspek morfologi dan kurang kajian yang berkaitan makna (Nor Hashimah Jalaluddin, 2005). Oleh hal yang demikian, maka sangat penting untuk elemen makna diketengahkan bagi menunjukkan kelainan dalam aspek berbahasa.

(a) Penekanan Keadaan

Aspek penekanan keadaan ini dizahirkan melalui pengulangan kata dasar yang terdapat dalam kata ganda tersebut. Pengulangan ini melibatkan penggandaan sebahagian kata, kata adjektif dan berentak. Contoh-contoh di bawah menunjukkan suatu keadaan yang berlaku berulang-kali yang secara tidak langsung menggambarkan kekerapan dalam melakukan sesuatu perkara. Kekerapan ini menunjukkan suatu penekanan terhadap perlakuan yang dilakukan. Hal ini boleh dilihat menerusi contoh *tepit-pit*, *tegasak-gasak*, *kelang-kelus*, *tewek-wek*, *sia-sitok*, *lingo-lingo* dan *kepas-kepus*. Dalam konteks kata *tepit-pit* unsur gandaan berfungsi sebagai penambah penekanan daripada kata dasar *pit* yang diperoleh daripada bunyi hon kereta. Manakala *tepit* pula mempunyai dua maksud iaitu membunyikan hon kereta sekali atau secara tidak sengaja membunyikan hon kereta. Manakala kata *tegasak-gasak* yang bermaksud pergerakan seluruh badan yang berulang-ulang. Menariknya, kata dasar *gasak* mempunyai dua maksud yang berbeza iaitu (i) teruskan sahaja sesuatu perbuatan dan (ii) menggosok sesuatu seperti kain untuk membersihkan kotoran. Oleh itu, kata *gasak* dan *tegasak-gasak* mempunyai maksud yang berbeza. Selain itu, kata dasar pertama *tegasak* sahaja membawa maksud pergerakan yang dilakukan berulang-kali namun dalam jumlah pergerakan yang kurang berbanding dengan kata ganda *tegasak-gasak*.

Selain itu, kata *kelang-kelus* yang bermaksud mundar-mandir juga menunjukkan bahawa unsur gandaan menggambarkan penekanan yang ingin diketengahkan. Kata dasar *kelang* atau *kelus* tidak boleh berdiri sendiri dan tidak membawa sebarang makna. Kedua-dua kata ini perlu digandakan untuk menjadi kata yang bermakna. Seterusnya, kata *tewek-wek* membawa maksud perbuatan seolah atau sedang muntah secara berterusan. Dalam konteks kata ini *tewek* sahaja membawa maksud muntah, manakala *tewek-wek* pula menunjukkan keadaan muntah yang berterusan. Kata *temok-mok* pula membawa maksud melakukan sesuatu pekerjaan dengan sangat perlahan. Kata dasar *temok* tidak dapat berdiri sendiri dan tidak membawa apa-apa maksud. Sementara itu, kata *sia-sitok* memberi maksud bergerak atau melakukan sesuatu dari satu tempat ke satu tempat yang lain. Kedua-dua kata dasar ini iaitu *sia* (sana) dan *sitok* (sini) boleh digunakan secara berasingan atau secara berganda untuk menunjukkan tempat yang banyak.

Jadual 1: Kata Ganda DMS Menunjukkan Penekanan Keadaan

	PERKATAAN	MAKSUD
1.	Tepit-pit	Berulang kali membunyikan hon kereta
2.	Tegasak-gasak	Membuat pergerakan (seluruh badan) yang berulang-ulang
3.	Kelang-kelus	Berjalan mundar-mandir
4.	Cun-cun	Berlaku tepat pada masa
5.	Tewek-wek	Perbuatan seolah/sedang muntah yang berterusan
6.	Temok-mok	Melakukan sesuatu pekerjaan dengan sangat perlahan
7.	Sia-sitok	Bergerak/melakukan sesuatu dari satu tempat ke satu tempat
8.	Lingo-lingo	Berdiri/berada di satu tempat tanpa membuat perkara yang berfaedah/berada di satu tempat dan menoleh ke kiri dan ke kanan/meninjau-ninjau
9.	Kepas-kepus/kepus-kepus	(i) Perbuatan menghisap rokok dan menghembuskan asap dalam

		keadaan berterusan (ii) Mengeluarkan asap secara berterusan (hanya untuk kepus-kepus)
10.	Kinek-kinek	Sekarang juga

Kata ganda *lingo-lingo* pula bermaksud berdiri atau berada di satu tempat tanpa membuat perkara yang berfaedah atau berada di satu tempat sambil menoleh ke kiri kanan atau perbuatan meninjau-ninjau. Kata dasar *lingo* boleh membawa maksud menoleh sekali manakala apabila digandakan menunjukkan penekanan terhadap perbuatan menoleh yang berkali-kali. Selain itu, kata *kepas-kepus* atau *kepus-kepus* mempunyai maksud perbuatan menghisap rokok dan menghembuskan asap dalam keadaan berterusan. Jika dalam situasi mengeluarkan asap secara berterusan kata ganda *kepus-kepus* sahaja yang digunakan. Kedua-dua kata dasar, iaitu *kepas* atau *kepus* tidak dapat berdiri sendiri dan tidak mempunyai makna jika tidak mempunyai unsur gandaan. Dalam konteks kata gandaan *kinek-kinek* yang bermaksud sekarang atau serta-merta pula menunjukkan aspek penekanan yang ketara, iaitu jika kata *kinek* sahaja yang digunakan membawa maksud sekarang tetapi jika digandakan kata tersebut memberi penekanan kepada 'urgency' iaitu memerlukan tindakan segera dan penting. Kata ganda *cun-cun* pula menunjukkan penekanan terhadap sesuatu perkara yang berlaku tepat pada masa yang dinyatakan dan kata ini juga boleh digunakan untuk maksud saiz yang muat-muat. Kata dasar *cun* boleh digunakan secara bersendirian dan bermaksud tepat dan apabila kata ini digandakan memberikan gambaran penekanan kepada ketepatan masa yang diperkatakan.

(b) Situasi Melampau/Berlebih-lebihan

Dalam konteks situasi melampau atau berlebih-lebihan ini menunjukkan fungsi kata ganda yang digunakan membawa ketersiratan maksud yang menggambarkan sesuatu perkara yang keterlaluan atau berlebih-lebihan. Jika diperhalusi daripada dapatan yang diperoleh memperlihatkan kata ganda dalam DMS ini mempunyai keunikan berbahasa.

Jadual 2: Kata Ganda DMS Menunjukkan Situasi Melampau/Berlebih-lebihan

	PERKATAAN	MAKSUD
1.	Ledam-ledum	Bunyi yang kuat secara berterusan (guruh, bom, mercun dll)
2.	Unsak-insei	Keadaan (orang) yang sangat tidak terurus
3.	Puro-luto	Keadaan badan/muka yang sangat comot
4.	Kerin-ngiritin	Keadaan badan atau tumbuhan yang sangat kurus/tidak terjaga
5.	Dumba-dumba	Saiz api yang sangat besar
6.	Kiak-kaong	Menjerit dengan kuat
7.	Patah-reyok	Keadaan patah (spt tulang) yang teruk dan banyak
8.	Bogek-bogek	Keadaan badan yang besar (montel)
9.	Basah-renyah	Basah kuyup
10.	Run-run	Menangis dengan kuat secara berterusan

Kata *ledam-ledum* yang membawa maksud bunyi yang kuat secara berterusan sebagai contoh bunyi guruh, bom atau mercun. Kata dasar *ledam* atau *ledum* boleh berdiri sendiri dan membawa maksud gambaran bunyi yang kuat tetapi dalam darjah kesangatan yang kurang. Manakala apabila kata ini digandakan menunjukkan darjah yang berlebih-lebih daripada kata dasar yang digunakan. Selain itu, bagi kata *unsak-insei* pula yang bermaksud keadaan orang yang sangat tidak terurus. Kedua-dua kata dasar ini tidak bermakna jika tidak digandakan. Kata *puro-luto* pula memberi pengertian yang menunjukkan keadaan badan atau muka yang sangat comot. Kata *puro* membawa maksud comot ataupun tidak rata (bedak). Manakala kata *luto* pula tidak mempunyai sebarang makna jika tidak digandingkan dengan kata *puro*. Penggandaan kedua-dua kata ini memberikan kesan melampau bagi keadaan comot.

Menerusi kata *kerin-ngiritin* yang bermaksud keadaan badan atau tumbuhan yang sangat kurus, kering dan tidak terjaga. Bagi kata dasar *kerin* boleh membawa maksud kering manakala kata *ngiritin* pula bermaksud sangat

kurus dan tidak terjaga. Oleh itu, apabila kedua-dua kata ini digabungkan menjadi kata ganda menunjukkan gambaran bagi sesuatu keadaan yang melampau. Seterusnya, kata *dumba-dumba* pula membawa pengertian saiz api yang sangat besar dan kata ini tidak bermakna jika berdiri sendiri. Selain itu, kata *kiak-kaong* pula bermaksud menjerit dengan kuat. Kedua-dua kata dasar ini mempunyai maksud yang sama iaitu perbuatan menjerit dan kata *kaong* boleh membawa maksud memanggil dengan kuat. Kata ganda *kiak-kiak* juga boleh digunakan bagi menunjukkan keadaan bunyi bising yang dilakukan oleh manusia.

Selain itu, kata *patah-reyok* menggambarkan keadaan patah (tulang) yang banyak dan teruk. Kata dasar patah mempunyai maksud yang sama dengan bahasa Melayu Standard, manakala *reyok* pula tidak membawa apa-apa makna jika tidak digandakan. Unsur gandaan ini telah memberikan makna melampau bagi menggambarkan keadaan patah tersebut. Kata *basah-renyah* pula bermaksud basah-kuyup, kata dasar basah menyamai makna dengan bahasa Melayu standard manakala kata dasar *renyah* pula membawa maksud teruk. Apabila kedua-dua kata dasar ini digandakan bersama mewujudkan situasi berlebih-lebih untuk menggambarkan keadaan basah yang dialami. Berlainan keadaannya bagi kata *run-run* yang bermaksud menangis dengan kuat secara berterusan. Kata dasar *run* sahaja tidak dapat berdiri sendiri tanpa unsur gandaan. Dan unsur gandaan ini telah memperlihatkan keadaan melampau bagi perbuatan menangis yang berterusan itu.

(c) Pengurangan Darjah Penekanan Keadaan

Dalam data yang diperoleh didapati bahawa terdapat kata ganda dalam DMS yang digunakan untuk menunjukkan darjah penekanan keadaan yang tidak berlebih-lebih dan berkecenderungan ke arah keadaan yang lebih ringan dan santai. Contohnya, kata *gila-gila* bermaksud seseorang yang bukan gila tetapi berperangai kurang matang atau suka bergurau-senda. Jika kata dasar *gila* sahaja digunakan boleh membawa maksud tidak waras atau tidak siuman, sedangkan apabila digandakan kata ini telah membawa maksud yang berlainan daripada kata dasar tersebut.

Sementara itu, bagi kata *coba-coba* pula memberikan pengertian sesuatu usaha untuk melakukan kerja atau perkara yang tidak mempunyai matlamat untuk berjaya. Kata ganda ini menggambarkan darjah penekanan yang kurang berbanding dengan kata dasarnya. Hal yang sama juga boleh dilihat bagi semua kata ganda yang diperturunkan dalam jadual 3 di bawah, iaitu menunjukkan satu keadaan yang darjah penekanannya berkurangan berbanding kata dasar. Sebagai contoh kata ganda *nannga-nangga* yang bermaksud meninjau-ninjau atau melihat sesuatu tanpa tujuan yang jelas. Begitu juga halnya, bagi kata *tikam-tikam* yang bermaksud perbuatan membaling atau mencampak bahan masakan atau alat permainan. Perbuatan ini dilakukan sambil-lewa tanpa mempunyai tujuan untuk memastikan makanan yang dimasak itu sedap atau permainan yang disertai itu memberikan kemenangan. Keadaan ini menunjukkan darjah penekanan yang kurang berbanding dengan kata dasar daripada kata ganda tersebut.

Hal yang sama juga boleh dilihat bagi kata *manis-manis* yang bermaksud tidak terlalu manis, *puteh-puteh* yang bermaksud tidak terlalu putih, *pait-pait* juga bermaksud tidak terlalu pahit, *itam-itam* juga membawa maksud tidak terlalu hitam atau gelap. Begitu juga halnya bagi kata *tinggi-tinggi* dan *kurus-kurus* yang memberikan pengertian yang menunjukkan keadaan yang darjah penekanannya kurang berbanding kata dasarnya. Walaupun demikian, wujud kelainan pengertian daripada Nor Hashimah Jalaluddin (2005) yang mengelaskan bentuk kata ganda ini dalam kata ganda tidak khusus bagi kata *gila-gila*, *kurus-kurus* dan *tinggi-tinggi*.

Jadual 3: Kata Ganda DMS Menunjukkan Pengurangan Darjah Penekanan Keadaan

	PERKATAAN	MAKSUD
1.	Gila-gila	Seseorang yang bukan gila tetapi berperangai kurang matang dan suka bergurau-senda
2.	Coba-coba	Mencuba melakukan sesuatu kerja/perkara tanpa niat untuk berjaya
3.	Nangga-nangga	Meninjau-ninjau keadaan tanpa niat untuk mencapai sesuatu objektif
4.	Tikam-tikam	Perbuatan membaling/mencampak beberapa bahan (seperti bahan masakan, permainan)
5.	Manis-manis (rasa)	Manis tetapi tidak terlalu manis
6.	Puteh-puteh	Putih, tetapi tidak terlalu putih

7.	Pait-pait	Pahit, tetapi tidak terlalu pahit
8.	Itam-itam	Hitam/gelap, tetapi tidak terlalu hitam/gelap
9.	Tinggi-tinggi	Tinggi, tetapi tidak terlalu tinggi
10.	Kurus-kurus	Kurus, tetapi tidak terlalu kurus

(d) Jamak

Kata ganda yang diulang kata dasarnya bagi maksud jamak atau banyak dapat dilihat dalam data DMS yang diteliti. Sebagai contoh kata *tunggal-menunggal* yang membawa pengertian saudara-mara. Kata dasar *tunggal* sahaja bermaksud sepupu tetapi bagi penutur DMS yang ingin merujuk kepada jumlah saudara yang lebih daripada satu maka kata ganda ini akan digunakan. Begitu juga, bagi kata *anak-beranak* yang menyamai maksud dalam bahasa Melayu standard. Kata dasar *anak* sama maksud dengan bahasa Melayu, manakala *beranak* dalam DMS bermaksud melahirkan dan bersalin. Tetapi jika penutur dialek ini ingin merujuk kepada keseluruhan ahli keluarga yang terdiri daripada ibu, bapa dan anak-anak maka kata ganda ini akan digunakan.

Jadual 4: Kata Ganda DMS Menunjukkan Jamak

	PERKATAAN	MAKSUD
1.	Tunggal-menunggal	Saudara-mara
2.	Anak-beranak	Anak-beranak
3.	Ipar-duei	Ipar-duai
4.	Periuk-belangak	Periuk-belanga
5.	Miak-miak	Budak-budak
6.	Adik-kakak	Saudara-mara
7.	Kain-baju	Kain-baju
8.	Nenek-moyang	Nenek datuk moyang
9.	Bala-bala	Saudara-mara/seseorang yang ada hubungan kekeluargaan
10.	Garam-belacan	Garam dan bahan-bahan lain seperti belacan, kunyit, cili, bawang dan sebagainya bagi menambahkan kesedapan dalam masakan

Hal yang sama juga boleh dilihat bagi semua data dalam jadual 4 yang diberikan menunjukkan kata yang digandakan membawa maksud jamak iaitu kata *ipar-duei* yang bermaksud ipar-duai. Kata dasar *ipar* dalam DMS menyamai maksud dalam bahasa Melayu standard, iaitu merujuk kepada adik-beradik sebelah suami atau isteri. Manakala kata dasar *duei* bermaksud amboi. Oleh itu, bagi menunjukkan keadaan ipar-duai yang ramai maka gandaan ini akan digunakan. Begitu juga halnya bagi kata *periuk-belangak* yang bermaksud jumlah periuk-belanga yang banyak. Kata *belangak* mempunyai maksud periuk jika digunakan secara bersendirian dalam DMS. Kata dasar ini menyamai kata dasar belanga dalam bahasa Melayu standard yang bermaksud periuk yang diperbuat daripada tanah. Selain itu, bagi kata *miak-miak* bermaksud budak-budak. Kata dasar *miak* sahaja membawa maksud seorang budak. Apabila merujuk kepada jumlah yang ramai maka kata ini akan digandakan. Seterusnya, bagi kata *adik-kakak* pula bermaksud saudara-mara dalam DMS. Perkataan kata dasar *adik* atau *kakak* menyamai maksud dalam bahasa Melayu standard tetapi jika digunakan dalam bentuk gandaan maka maknanya telah berubah menjadi saudara-mara.

Kata ganda *kain-baju* membawa maksud jamak bagi pakaian atau kain. Kedua-dua kata ini mempunyai maksudnya yang tersendiri dan boleh berdiri sendiri iaitu kata *kain* bermaksud hasil tenunan yang digunakan untuk membuat pakaian. Manakala *baju* pula bermaksud pakaian yang digunakan untuk menutup badan. Apabila kedua-dua kata ini digunakan menunjukkan gambaran jumlah yang banyak bagi pakaian atau kain. Selain itu, kata *nenek-moyang* dalam DMS bermaksud nenek, datuk dan moyang dan menunjukkan situasi jamak apabila digandakan yang merujuk kepada generasi tua dalam susur-galur sesebuah keluarga. Kata *bala-bala* dalam DMS bermaksud saudara-mara atau seseorang yang mempunyai hubungan kekeluargaan. Kata dasar *bala* dalam DMS menyamai maksud

dalam bahasa Melayu Standard iaitu malapetaka. Namun, jika kata ini digandakan memberikan kelainan maksud bagi seseorang yang mempunyai hubungan kekeluargaan sama ada dekat atau jauh. Sementara itu, bagi kata *garam-belacan* iaitu kata *garam* dan *belacan* mempunyai maksud yang sama dengan bahasa Melayu standard. Namun apabila digandakan kata ini membawa maksud bukan sahaja garam dan belacan namun semua perencah yang dimasukkan ke dalam sesuatu masakan bagi menambahkan kesedapan rasa masakan tersebut. Oleh itu, maka daripada dapatan yang dihuraikan menunjukkan bahawa penggunaan kata ganda bukan sahaja bersifat pengulangan dalam bentuknya semata-mata, tetapi mempunyai ketersiratan makna di sebalik penggunaannya dalam interaksi sosial harian masyarakat Melayu Sarawak.

5. Kesimpulan

Melalui dapatan yang diperoleh menunjukkan wujud ketersiratan makna bagi kata ganda dalam DMS yang secara tidak langsung menyerlahkan fungsi dan tujuan sesuatu penggunaan kata yang berulang dalam menyampaikan mesej interaksi masyarakat. Walaupun pengkaji telah menyenaraikan empat pecahan situasi dari segi makna dalam penggunaan kata ganda ini, dipercayai bahawa kajian awal ini boleh menjadi platform bagi kajian-kajian lain yang lebih mendalam dan terperinci sifatnya. Hal ini disebabkan melalui penelitian kata ganda ini pengkaji merasakan bahawa pemerian makna terhadap kata ganda ini sebenarnya amat rencam, bervariasi dan luas. Kajian lanjut sangat diperlukan bagi menggali khazanah budaya berbahasa khususnya bagi kata gandaan dalam sesuatu masyarakat agar dapat ditonjolkan dan didokumentasikan menjadi bahan kajian yang bermanfaat untuk tatapan generasi akan datang.

Rujukan

- Abdullah Hassan & Ainon Mohd. (1994). *Tatabahasa Dinamika*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Arbak Othman. (1989). *Mengajar Tatabahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar. (2008). *Nahu Kemas Kini*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Asmah Hj. Omar. (1980). *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hamidah Abdul Wahab, Wan Robiah Meor Osman & Mohammad Hossin. (2012). Kata Ganda dalam Dialek Melayu Sarawak. *Pemantapan dan Pembinaan Ilmu Linguistik Berasaskan Korpus*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Yunus Sharum & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2011). Golongan dan Rumus Kata Gandaan Berima. *Jurnal Bahasa* 11(1), 27-47.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Hj. Musa, & Abdul Hamid Mahmood. (2009). *Tatabahasa Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2005). Gandingan Kata Bilangan dan Penggandaan Bahasa Melayu: Sama Tak Serupa. *Jurnal Bahasa* 5(3), 30-52.
- Syarifah Raihan Syed Jaafar & Zaharani Ahmad. (2009). Penggandaan Separa Bahasa Melayu: Analisis Teori Optimaliti. *Kepelbagaian Dimensi Linguistik*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zaharani Ahmad. (2006). Isu Morfologi Bahasa Melayu: Kata Dasar yang Tidak Boleh Digandaseparakan. *Jurnal Persatuan Linguistik*. Jil.7: 65-80.
- Zaidi Ismail. (2007). Penggandaan Berentak Berdasarkan Data Korpus. *Dewan Bahasa* 7(12): 46-49.
- Zaidi Ismail. (2008). *Kata Ganda Bahasa Melayu: Tinjauan Bentuk Berdasarkan Data Korpus*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainudin Dirin. (2003). *Kamus Kata Ganda*. Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd.